



Anwar menyampaikan ucapan penggulungan pada Kongres Nasional Keadilan 2023 di PICC, Putrajaya semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Kongres Nasional Keadilan 2023

Bidas pembangkang berlagak bersih, suci

Parti lawan gagal buktikan mampu tadbir negara lebih baik ketika diberi peluang

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim,
Zanariah Abd Mutalib
dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam membidas pembangkang yang berasa hanya mereka yang bersih dan suci, manakala apa-apa yang tidak disokong pula dilabel sebagai tidak Islam.

Walaupun berasa bersih dan suci, Perdana Menteri berkata, pembangkang gagal membuktikan bahawa mereka mampu mentadbir dengan lebih baik ketika diberi peluang sebelum ini dan kini menggunakan sentimen agama serta kaum untuk menyerang Kerajaan Perpaduan.

Sambil menasihatkan parti lawan supaya mengambil sikap bersederhana, Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) dan Presiden PKR, mengingatkan pembangkang agar tidak sewenang-wenangnya membuat hukum dari segi akidah dan kepercayaan.

"Bagilah ruang, ambillah sikap sederhana, kritiklah dan lawanlah dalam bidang yang kamu rasa wajar dari segi dasar, tapi jangan hukum dari segi akidah dan kepercayaan kami. Dalam perde-

batan di Parlimen, kamu tidak boleh buktikan yang kamu buat lebih baik daripada kami semasa kamu berkuasa," katanya.

Dalam ucapan penggulungan dan penangguhan Kongres Nasional Keadilan 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini semalam, Perdana Menteri mempersoalkan apa yang dibuat parti pembangkang untuk Islam ketika memegang tampuk kuasa.

"Peruntukan Islam tidak ditambah, ada kes 40 hadis di sekolah untuk anak, (ditanya) sebab apa belum buat, (jawabannya) kami sedang rancang, tapi belum sempat buat. Jadi, saya cadang rancanglah sebaiknya untuk berapa puluh tahun akan datang dan sementara itu, kami akan terus laksanakan dengan sebaiknya," kata beliau.

Dasar mesra rakyat

Kepada ahli parti, Anwar dalam nada lantang, membidas mereka yang mengikut rentak parti lawan, cenderung menjadi panik apabila lawan memainkan isu seperti agama dan kaum.

Pengerusi PH berkata, kerajaan yang diterajunya berjaya mencapai prestasi yang lebih baik berbanding pentadbiran terdahulu dengan memperkenalkan dasar mesra rakyat, sekali gus memberikan ahli parti 'senjata' mencukupi untuk berdepan kritikan pembangkang.

"Mengapa anda panik?" soal Perdana Menteri dalam ucapannya yang terganggu seketika gara-gara kehadiran tupai dalam Dewan Plenari PICC yang menyebabkan suasana kecoh kira-kira 10 minit apabila ada an-

tara perwakilan menjerit.

Geli hati dengan situasi itu, Anwar yang meminta semua perwakilan dan pemerhati bertenang, berkata: "Baru seekor tupai, jadi huru-hara dalam dewan ini.

Beliau turut mengulas isu peruntukan pembangunan bagi negeri ditadbir pembangkang yang tegasnya, masih diteruskan walaupun tidak diberi terus kepada ahli Parlimen blok berkenaan.

Susulan desakan ahli Parlimen pembangkang yang mempersoalkan peruntukan buat mereka, Anwar menjelaskan, peruntukan itu tidak sepatutnya diberikan kepada pemimpin yang mencerca, memaki dan menuduh kerajaan dengan pelbagai dakwaan.

"Dikatakan kita menafikan hal wakil rakyat. Elaun wakil rakyat kita tidak pernah singgung, saya sebut di Parlimen, peruntukan kawasan PAS dan BERSATU kita teruskan. Projek masjid, perumahan semua kita lakukan walau tidak salur kepada ahli Parlimen (pembangkang), tetapi salur kepada rakyat.

"Mengapa nak salur kepada ahli Parlimen yang cerca kita, mahu menumbangkan... maki kita Siapa kita? Kita dianggap orang yang mencabar Islam yang mengkhianati Melayu. Maka kamu (pembangkang) cari lainlah (peruntukan)," katanya.

Anwar secara sinis turut meminta ahli Parlimen pembangkang pergi kepada tokoh politik yang dipilih mereka sebagai penasihat ekonomi.

"Kamu sudah pilih tokoh untuk menjadi penasihat kamu, orang yang jadi penasihat kamu, pergilah dengan mereka," katanya.